

Pendekatan Intervensi Murid Tercicir bagi Subjek Jawi di Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor: Kajian Rintis

Intervention Approach for Dropout Pupils in Jawi Subjects in Selangor State Religious Primary Schools: A Pilot Study

Zetty Nurzuliana Rashed

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)

zetty@kuis.edu.my

Kamarulnizam Sani

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)

kamarulnizam@kuis.edu.my

Sapie Sabilan

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)

sapie@kuis.edu.my

Haslina Hamzah

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)

haslina@kuis.edu.my

Munera Hashim

Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

munerajamal@gmail.com

ABSTRAK

Tahun 2020 menyaksikan hampir semua sekolah dan universiti di seluruh dunia terpaksa ditutup bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Akibatnya hampir 91 peratus atau sekurang-kurangnya 1.6 billion murid di seluruh dunia tidak dapat mengikuti pembelajaran seperti biasa. Senario yang berlaku ini juga memberi implikasi terhadap murid yang mempelajari subjek Jawi di sekolah-sekolah agama (SRA). Melalui tinjauan awal pengkaji menerusi temubual kepada guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) yang mengajar subjek ini mendapati bahawa sebahagian murid

tidak dapat mengenal huruf-huruf hijaiyah dengan baik. Ada sebahagiannya pula masih tidak mampu menulis huruf-huruf hijaiyyah dengan betul. Di samping itu, terdapat murid yang tidak boleh mengeja jawi dengan betul walaupun sudah berada di darjah 4. Sebahagian guru menyatakan bahawa terdapat murid yang akan mengambil Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) berada pada tahap yang sangat lemah dari aspek penguasaan tulisan jawi. Kajian rintis ini menggunakan rekabentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temubual terhadap dua orang guru subjek Jawi, SRA, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang mengajar subjek JAWI di dua buah sekolah yang berbeza. Data dianalisis menggunakan pendekatan tematik analisis. Dapatan kajian mendapati bahawa guru yang menggunakan pendekatan intervensi seperti kelas pemulihan, ujian saringan yang bertujuan untuk membantu murid yang tercicir ini dapat menguasai semula tulisan jawi.

Kata kunci: Tercicir; Tulisan Jawi; Guru Pendidikan Islam; Sekolah Rendah Agama

ABSTRACT

The year 2020 saw almost all schools and universities around the world being forced to close to curb the spread of the COVID-19 epidemic. As a result, almost 91 percent or at least 1.6 billion students around the world are not able to follow the learning as usual. This scenario also has disturbing implications for students who study Jawi subjects in religious schools (SRA). Through the researcher's preliminary survey through interviews conducted by the teachers of the Religious Primary School (SRA) who teach this subject, it was found that some students could not recognize hijaiyah letters well. Some of them are still unable to write the letters Alif, Ba, etc. correctly. In addition, there are students who cannot spell Jawi correctly even though they are in the 4th grade and then some teachers state that there are students who will take the Kafa Class Assessment Test (UPKK) who are at a very weak level in terms of mastery of Jawi writing. This study is a pilot study conducted through an interview session with two teachers of Jawi subject, SRA, JAIS who teach JAWI subject in two different schools. Data were analyzed using a thematic approach to analysis. The findings of the study found that teachers who use several intervention approaches aimed at helping these dropout students can regain control of Jawi writing after they dropped out and were affected in online learning during the COVID-19 pandemic.

Keywords: Dropout; Jawi Writing; Islamic Education Teacher; Religious Elementary School

PENDAHULUAN

Tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam komunikasi sebelum dan selepas kemerdekaan. Banyak bukti penggunaannya pada zaman dahulu termasuk batu bersurat dan surat jual beli. Surat khabar juga ditulis sepenuhnya dalam tulisan Jawi dan ia merupakan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah pada masa dahulu. Tulisan Jawi berasal dari tulisan Arab dan digunakan dalam penulisan bahasa Melayu.

Tulisan ini berkait rapat dengan perkembangan agama Islam di Malaysia dan merupakan jenis tulisan yang awal ditemui. Bukti kewujudannya termasuk Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H. Tulisan Jawi juga lebih awal tiba di Malaysia berbanding tulisan Rumi dan ia digunakan sebagai tulisan rasmi negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu semasa penjajahan British (Norhafiza Alias et al., 2016).

Sehubungan dengan itu, subjek Jawi ditekankan dalam kurikulum mata pelajaran pendidikan Islam di bawah sistem pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk membolehkan murid menguasai setiap kemahiran dalam subjek tersebut. Melalui pembelajaran Jawi, murid dapat mengenal, membunyikan, membentuk, dan membaca huruf Jawi serta memperkuatkan nilai-nilai Islam. Penggunaan tulisan Jawi dalam pengajaran juga dapat membantu usaha menerapkan nilai-nilai Islam kepada murid dan masyarakat, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), JAIS. Oleh yang demikian itu, kelangsungan tulisan Jawi harus dipertahankan dan dikekalkan sebagai warisan bangsa yang perlu dikuasai hingga ke akhir zaman (Naquiah Nahar & Jimain Safar, 2016).

Namun, sejak kebelakangan ini, minat murid dan penguasaan terhadap tulisan Jawi semakin berkurangan. Menurut Sabariah Bahrin et al. (2014), program j-QAF diperkenalkan untuk memantapkan penguasaan terhadap tulisan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain. Program ini membantu murid-murid yang lemah dalam penguasaan Jawi melalui bimbingan dalam kumpulan kecil dengan menggunakan buku teks Pendidikan Islam tulis dalam tulisan Jawi. Penggunaan tulisan Jawi juga dilaksanakan sepenuhnya dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji faktor-faktor keciciran murid SRA terhadap penguasaan subjek Jawi.
2. Menganalisis pendekatan intervensi yang digunakan oleh guru SRA bagi mengatasi masalah keciciran murid dalam subjek Jawi.
3. Meneroka langkah-langkah yang digunakan oleh pihak sekolah bagi mengatasi masalah keciciran murid dalam subjek Jawi.

PERNYATAAN MASALAH

Pada tahun 2020, hampir semua sekolah dan universiti di seluruh dunia terpaksa ditutup kerana wabak COVID-19. Sebanyak 91 peratus atau sekurang-kurangnya 1.6 billion murid dan belia di seluruh dunia tidak dapat mengikuti pembelajaran seperti biasa. Situasi ini mungkin akan menghalang aspirasi pendidikan global dan mempengaruhi aspek keadilan dalam pendidikan. Bagi mengatasi krisis pendidikan ini, institusi pendidikan di seluruh dunia terpaksa merancang pelan pembelajaran secara spontan dan kecemasan (Rohaniza Idris & Muhammad Yusri, 2020).

Dalam situasi perubahan masyarakat yang pesat, masalah jurang pendidikan akibat kurangnya akses kepada gajet dan internet menjadi lebih kritikal dan serius

berbanding dengan masalah sekolah yang lemah. Isu ini mempengaruhi pelajar pada peringkat asas institusi pendidikan iaitu murid. Kesan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) amat bergantung pada akses internet dan peranti. PDPR juga berkait dengan kemampuan dan pendapatan keluarga, selain menghadapi masalah ekosistem PDPR itu sendiri seperti kemahiran dan persediaan guru dalam menyediakan bahan pengajaran yang sesuai (Berita Harian, 24 Januari 2021). Bagi ibu bapa terutamanya yang tergolong dalam kategori B40 dan tinggal di luar bandar, mereka menghadapi kesulitan untuk menyediakan peranti dan akses data internet yang mencukupi untuk anak-anak mereka yang sedang bersekolah, terutamanya bagi mereka yang berada dalam kumpulan yang tergolong dalam kategori miskin tegar.

Senario yang berlaku ini semasa PDPR juga memberi implikasi yang merunsingkan kepada murid yang mempelajari subjek al-Quran dan Jawi di sekolah-sekolah agama (SRA). Pelbagai persoalan yang timbul. Antaranya bagaimana subjek yang melibatkan kemahiran membaca dan menulis ini ingin diterapkan kepada murid sedangkan aspek pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian dan bagaimana guru melaksanakan strategi pengajaran terhadap kedua-dua subjek ini. Melalui temubual pengkaji terhadap guru-guru Sekolah Rendah agama (SRA) yang mengajar kedua-dua subjek pada awal Jun 2022 mendapati bahawa sebahagian murid tidak dapat mengenal huruf-huruf hijaiyah dengan baik dan sebahagian murid masih tidak mampu menulis huruf hijaiyah dengan betul. Di samping itu juga, terdapat murid yang tidak boleh mengeja jawi dengan betul walaupun telah berada di darjah empat. Begitu juga guru kelas menyatakan terdapat murid yang akan mengambil Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) yang sangat lemah dari aspek penguasaan tulisan Jawi. Sebahagian guru memberi tugas dalam bentuk lembaran kerja. Maka, kaedah menyalin perkataan jawi ini kurang dipraktikkan di dalam bilik darjah, sedangkan amalan tersebut adalah bertujuan untuk mengukuhkan seni penulisan tulisan jawi. Keadaan ini sangat membimbangkan dan ternyata akan memberi kesan yang lebih buruk jika tidak dibendung dan tidak dikaji. Latihan juga bukan sahaja dilaksanakan dalam kalangan murid-murid malah guru-guru juga sentiasa diberi latihan seiring dengan perubahan tulisan Jawi terkini.

Oleh yang demikian, murid-murid ini perlu dikenalpasti dengan menghubungi mereka melalui platform yang lebih sesuai seperti aplikasi *WhatsApp*, *Telegram* dan *Messenger*. Justeru itu, satu kajian perlu dijalankan untuk meneroka data keciciran murid terhadap penguasaan subjek Jawi. Seterusnya meneliti aspek strategi-strategi yang perlu dilaksanakan secara lebih serius dalam kalangan guru-guru sekolah rendah agama bagi mengelakkan isu ini berlarutan yang akan memberi implikasi yang negatif terhadap murid apabila menyambung pengajian ke peringkat sekolah menengah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian rintis ini menggunakan rekabentuk kualitatif yang mengandungi kaedah analisis dokumen dan kaedah temubual separa berstruktur. Bagi melaksanakan

kaedah temubual, inventori protokol temubual digunakan oleh pengkaji. Bagi aspek pengumpulan data kajian rintis ini, ia melibatkan dua buah sekolah yang dijadikan lokasi kajian iaitu meliputi sekolah Rendah Agama (SRA) di bawah seliaan pihak JAIS. Sebanyak dua buah SRA yang dipilih sebagai lokasi kajian rintis mewakili sembilan daerah di negeri Selangor. Manakala guru yang terlibat sebagai peserta kajian terdiri daripada dua orang guru yang mengajar subjek Jawi di sekolah-sekolah yang dipilih untuk ditemubual. Analisis dokumen adalah melibatkan data analisis pencapaian murid dalam ujian pentaksiran bagi subjek Jawi yang dilaksanakan oleh pihak sekolah pada tahun 2021 dan 2019. Ini adalah penting untuk menganalisis terhadap aspek pencapaian murid secara atas talian atau bersemuka semasa pandemik Covid-19. Bagi aspek penganalisan data pula, pengkaji menggunakan analisis data secara tematik menggunakan NVivo 19 bagi kaedah penyelidikan kualitatif.

Kajian ini diharapkan dapat menghasilkan pendekatan-pendekatan intervensi bagi membantu masalah keciciran murid dalam subjek Jawi. Seterusnya membantu guru-guru SRA mengurangkan peratusan gagal dalam pencapaian subjek Jawi yang mana ianya penting untuk murid memahami isi kandungan pembelajaran di sekolah agama yang menggunakan tulisan Jawi dalam buku teks mahupun aspek pembelajaran secara keseluruhannya.

Fasa pertama ini melibatkan kajian rintis yang dilaksanakan sebelum menjalankan kajian sebenar bagi membantu pengkaji mengenalpasti masalah yang mungkin timbul semasa melaksanakan kajian lapangan. Selain itu, pengkaji berupaya mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan kajian yang dilaksanakan dapat disempurnakan dengan baik (Dey, 1993).

Pada peringkat kajian rintis iaitu bermula pada 21 Mei 2023 dan berakhir pada 26 Mei 2023 di Sekolah A dan Sekolah B. Kajian ini bermula dengan aktiviti pra-kajian seperti memohon kebenaran daripada Bahagian Pendidikan Islam (BPI JAIS) serta pihak sekolah. Setelah mendapat kebenaran membuat kajian, pengkaji menjalankan kajian rintis untuk membina item-item soalan temubual. Proses kajian rintis berlangsung selama seminggu.

Semasa kajian rintis, pengkaji berkenalan dengan peserta-peserta kajian supaya wujud hubungan mesra antara pengkaji dengan peserta kajian. Selain itu, pengkaji juga menerangkan secara terperinci berkaitan dengan tujuan kajian rintis, jangka masa dan lain-lain agar peserta kajian dapat memahaminya bagi mengelak perasaan kurang selesa semasa kajian rintis dijalankan. Di samping itu, pengkaji mengadakan sesi perjumpaan dengan guru besar dan guru panitia Pendidikan Islam bagi memberi penerangan dan penjelasan secara terperinci tentang tujuan kajian, jenis serta prosedur kegiatan pengumpulan data diadakan (Denzin & Lincoln, 1994; Marshall & Rossman, 2006; Patton, 1990). Penerangan dan penjelasan terperinci tentang tujuan kajian adalah penting supaya peserta kajian dapat memahami kajian, kepentingan menjalankan kajian serta mengetahui bahawa maklumat diri mereka adalah

dirahsiakan bagi memastikan peserta kajian tidak menarik diri pada saat-saat akhir. Pengkaji juga menyediakan surat pengesahan persetujuan sebagai peserta kajian setelah mereka bersetuju menjadi peserta kajian yang dijalankan sebagai tanda hormat pengkaji terhadap individu yang terlibat sebagai peserta kajian (Bogdan & Biklen, 1998).

Pengalaman mengadakan kajian rintis ini meningkatkan keyakinan pengkaji dalam menjalankan kajian serta memberi gambaran kepada pengkaji tentang cara memasuki lapangan dan kaedah kajian yang digunakan untuk mengutip data (Marshall & Rossman, 2006). Pengkaji juga memperoleh peluang dan pengalaman yang bernilai bagi menjalankan temu bual serta dapat memperbaiki kekurangan dan kelemahan dalam protokol yang digunakan.

Kajian rintis ini juga bertujuan untuk melakukan penambahbaikan terhadap inventori protokol temu bual dan inventori pemerhatian pengajaran yang digunakan dalam kajian sebenar bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru-guru yang terlibat sebagai peserta kajian berkaitan format dan laras bahasa yang digunakan dalam protokol temubual dan memastikan samada soalan-soalan yang dikemukakan boleh difahami oleh peserta kajian bagi mengurangkan kekeliruan yang timbul (Yin, 1994).

Sebelum kajian rintis, pengkaji telah bersedia dengan protokol temu bual, borang senarai semak pemerhatian langsung, borang catatan kajian lapangan serta peralatan audio visual iaitu perakam video dan pita rakaman yang diperlukan dalam kajian. Semasa menjalankan rintis, pengkaji mendapat kerjasama yang baik dari peserta kajian.

Seterusnya pengkaji membina item-item protokol temu bual melalui beberapa proses kajian rintis seperti berikut:

1. Membina item temu bual yang telah disiap untuk diuji.
2. Mengadakan sesi temu bual dengan peserta kajian (berlaku pengubahsuaian soalan temu bual).
3. Meminta kerjasama dari peserta kajian, guru panitia pendidikan Islam di sekolah dan pakar yang berkaitan dengan kajian untuk menyemak soalan-soalan temu bual yang telah dibuat semasa kajian rintis untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soalan temu bual.

DAPATAN KAJIAN RINTIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan rintis juga menjawab kepada ketiga-tiga objektif kajian. Data-data daripada soalan ini dikumpulkan melalui kaedah temu bual sebagai data utama kerana ia berkait dengan aspek dalaman guru di mana menyentuh aspek pemahaman mereka tentang pertamanya faktor-faktor keciciran murid SRA terhadap penguasaan Jawi, keduanya adalah pendekatan intervensi yang digunakan oleh guru SRA bagi mengatasi masalah ini dan ketiga adalah langkah-langkah yang digunakan oleh pihak

sekolah bagi mengatasi masalah ini. Kebanyakan data dalam persoalan kajian ini terhasil daripada temubual bersama dua orang peserta kajian. Tema telah dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan Jadual 1, 2 dan 3 untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 1: Rumusan Tema bagi Faktor-Faktor Keciciran Murid SRA terhadap Penguasaan subjek Jawi

Kategori	Tema
Faktor keciciran murid	Tiada capaian internet Tiada alat peranti semasa pdp atas talian Kurang minat Jawi Kurang sokongan ibu bapa

Sumber dari temubual peserta kajian.

Berdasarkan kepada Jadual 1, setelah dianalisis, dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak empat tema utama yang dinyatakan oleh peserta kajian di Sekolah 1 dan Sekolah 2 berkaitan kefahaman mereka tentang faktor-faktor keciciran murid SRA dalam matapelajaran Jawi iaitu; i) tiada capaian internet, ii) tiada alat peranti, iii) kurang minat Jawi, iv) Kurang sokongan ibu bapa. Kesemua peserta kajian dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap persoalan kajian ini dan mereka memberikan pandangan yang berbeza mengikut kefahaman mereka terhadap faktor-faktor keciciran murid SRA terhadap penguasaan Jawi.

Tema pertama iaitu tiada capaian internet berlaku bilamana keadaan pengajaran secara atas talian semasa pandemik Covid 19. Sebahagian murid yang tinggal di kawasan pendalaman mengalami sedikit kesulitan tidak mampu belajar dengan keadaan yang kondusif berikutan capaian internet agak terhad. Guru 1 menyatakan; *“Agak sukar la nak mengajar apabila budak-budak ni tinggal di pendalaman... internet sangat terhad, line pun putus-putus”*. Guru 2 juga menyatakan perkara yang sama; *“Masa nak ngajar tu bila line putus-putus ni susahlah sikit... line kadang-kadang ada”*.

Kelajuan internet sangat penting untuk memastikan komunikasi di antara guru dan murid berjalan lancar. Menurut dapatan kajian Fadzliyah Hashim et.al (2020), guru Pendidikan Islam lebih selesa menggunakan aplikasi yang disarankan oleh pihak KPM. Antaranya *WhatsApp, Google Classroom, Youtube* dan *Google Meet* dalam PdP atas talian. Manakala platform lain seperti *Gmail, Padlet, Edmodo, Quizizz* dan *Wordwall* jarang digunakan.

Alat peranti atau alat yang digunakan oleh murid semasa pandemik adalah telefon ibu bapa masing-masing. Terdapat juga pada ketika ini ibu bapa membeli alat peranti yang khusus seperti laptop kepada anak-anak bagi memudahkan proses pembelajaran. Guru 1 berpandangan; *“sebahagian ibu bapa sahaja yang ada*

handphone... ada juga murid tiada laptob” ...agak sukarlah untuk guru-guru untuk sampaikan pelajaran jawi ni. Sebab jawi ni kita kena tunjuk dan eja”. Guru 2 juga menyatakan perkara yang sama.

Masalah capaian internet dan kekangan perolehan peranti merupakan isu utama yang perlu diberikan perhatian tatkala pembelajaran norma baharu itu menjadi alternatif kepada sesi persekolahan secara bersemuka yang tidak dapat dilakukan ketika ini. Isu keberkesanan PDPR dibangkitkan banyak pihak, terutama dalam aspek capaian internet dan peranti yang memberi kesan kepada anak-anak yang berasal daripada golongan kurang berkemampuan (Bernama, Januari 17, 2021).

Tema yang seterusnya adalah menunjukkan tentang kurang minat murid terhadap subjek Jawi. Setiap ilmu dan pengetahuan yang diajar di dalam kelas memerlukan minat murid untuk jadikan pengajaran lebih berkesan termasuk ilmu kemahiran Jawi. Kesesuaian sesuatu kaedah mampu menjadikan kanak-kanak lebih berminat untuk belajar membaca dan mereka dapat belajar dengan mudah dan berkesan (Sharipah Amalhayaty Syed Ahmad, 2015). Minat akan memberi kefahaman dari segi pelbagai perspektif dalam mendepani dunia. Oleh hal demikian, timbulnya minat seseorang individu itu disebabkan oleh beberapa faktor penting seperti rasa teruja, rasa tertarik atau kepuasan individu, atas faktor perhatian dan keperluan. Mohd Eezan Hamdzah dan Shahlan Surat (2020) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat hubungan yang berkaitan penelitian minat pelajar terhadap penguasaan Jawi tidak dapat diketahui atau diukur secara langsung tetapi perlu menggunakan kaedah-kaedah atau unsur unsur yang dapat digunakan untuk mengungkap minat individu terhadap sesuatu.

Kurangnya sokongan daripada ibu bapa juga merupakan antara faktor-faktor keciciran murid SRA terhadap penguasaan Jawi. Ibu bapa merupakan individu yang membina keluarga atas dasar tanggungjawab dan amanah termasuklah terhadap pembelajaran anak-anak. Ibu bapa juga dirujuk sebagai suri teladan yang membolehkan anak-anak berfikiran positif, bersemangat dan berjaya dalam mendepani segala cabaran. Kajian yang dijalankan oleh Nor Sahara Mesman et al., (2022) mendapati bahawa peranan yang dimainkan oleh ibu bapa amat penting untuk memastikan pembelajaran Jawi dapat dipelajari dengan sebaiknya oleh murid. Justeru, kurangnya sokongan daripada ibu bapa menyebabkan murid tidak bersemangat untuk mempelajari sesuatu subjek terutama subjek yang agak sukar untuk difahami seperti subjek jawi.

Dapatan rintis bagi objektif yang kedua dinyatakan dalam Jadual 2 berdasarkan tema-tema yang diperolehi melalui temubual peserta kajian.

Jadual 2: Rumusan Tema bagi Pendekatan Intervensi yang digunakan oleh Guru

Kategori	Tema
Pendekatan intervensi	Kelas Pemulihan Bagi latihan asas Jawi Latih tubi kepada murid Bagi ujian kepada murid Buat kelas selepas sesi PnP Diagnos murid

Sumber dari temubual peserta kajian

Berdasarkan kepada Jadual 2, setelah dianalisis dapatan kajian mendapati sebanyak empat tema utama dan subtema yang dinyatakan oleh peserta kajian di Sekolah 1 dan Sekolah 2 berkaitan kefahaman mereka tentang pendekatan intervensi terhadap murid SRA dalam matapelajaran jawi iaitu; i) kelas pemulihan, ii) latihan asas Jawi, iii) latih tubi kepada murid, iv) bagi ujian kepada murid, v) buat kelas selepas sesi pnp, vi) diagnos murid. Kesemua peserta kajian dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap persoalan kajian ini dan mereka memberikan pandangan yang berbeza mengikut kefahaman mereka terhadap pendekatan intervensi yang digunakan oleh guru.

Setiap orang guru mempunyai kreativiti masing-masing bagi memastikan murid-murid tidak keciciran dalam pembelajaran. Namun dalam suasana pandemik yang melanda, pelbagai pendekatan yang digunakan oleh guru. Pembelajaran dalam suasana pandemik Covid-19 wujud daripada proses pengintegrasian antara teknologi dan pembelajaran yang menghasilkan kepada pendekatan pembelajaran bersepadu. Pendekatan ini merupakan gabungan antara pendekatan bersemuka dan atas talian/teknologi sebagai medium perantaraan utama pembelajaran. Menurut Ahmad Zaki Amiruddin et al. (2020), penggabungan pendekatan yang wujud dalam persekitaran pembelajaran merupakan satu strategi instruksional yang dikenali sebagai pembelajaran teradun.

Guru 1 merupakan seorang guru yang peka dan cakna terhadap pembelajaran murid-muridnya. Beliau sedaya upaya akan membantu murid-murid yang tercicir kesan dari pembelajaran semasa pandemik melanda. Beliau menyatakan tatkala ditemubual oleh pengkaji; *“biasanya saya buat kelas pemulihan pada murid-murid ini. Saya akan asingkan murid mengikut tahap pencapaian. Emm saya takkan biarkan murid saya tidak faham”*. Guru 2 juga melaksanakan yang sama; *“dalam kelas saya akan lihat kemampuan murid ni... ada yang cepat faham ada yang agak perlahan, biasanya saya akan buat kelas pemulihan lepas persekolahan”*.

Menurut Saiful Bahri dan Mazlan Ibrahim (2019), seseorang guru seharusnya menumpukan peranannya sebagai seorang perancang, inisiator dan fasilitator. Oleh itu, para pendidik perlu sentiasa menginovasikan aktiviti pengajaran dan

pembelajaran. Guru juga dikenali juga sebagai pengajar, pendidik, mudarris dan pengasuh yang merupakan tenaga pengajar dalam institusi pendidikan seperti sekolah atau tuisyen (kelas bimbingan). Ini menunjukkan, guru atau pendidik mempunyai tugas dan tanggungjawab yang mencabar. Begitu juga Habib dan Syed (2016) menyatakan, kepelbagaian dimensi tugas seorang guru perlu difahami dan dihayati. Guru juga merupakan manusia biasa yang mempunyai sebuah kehidupan tersendiri yang tidak lari daripada pelbagai dugaan hidup. Justeru, semua pihak sama ada guru, sekolah mahupun Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) hendaklah memandang serius akan perkara ini dan mengambil langkah penyelesaian agar tidak membebankan sebelah pihak sahaja.

Latihan asas jawi juga adalah penting bagi membantu murid-murid yang keciciran ini. Inisiatif guru perlu menyediakan sebanyak mungkin latihan asas supaya tahap keciciran murid-murid ini akan berkurangan. Guru 2 menyatakan; *“saya sering mencari latihan asas jawi di internet atau mana-mana sumber untuk saya berikan pada murid saya. Kadangkala saya memberikan latihan asas ini sebagai kerja rumah”*.

Dapatan rintis bagi objektif yang ketiga pula dinyatakan dalam Jadual 3 berdasarkan tema-tema yang diperolehi melalui temubual peserta kajian.

Jadual 3: Rumusan Tema bagi Langkah-Langkah yang digunakan oleh Pihak Sekolah

Kategori	Tema
Langkah-langkah	Buat ladap kepada guru Fokus kepada murid lemah Letak bahan jawi Hantar guru kursus jawi Buat kelas pemulihan

Sumber dari temubual peserta kajian.

Berdasarkan kepada Jadual 3, setelah dianalisis, dapat kajian mendapati sebanyak empat tema utama dan subtema yang dinyatakan oleh peserta kajian di Sekolah 1 dan Sekolah 2 berkaitan kefahaman mereka tentang langkah-langkah yang digunakan oleh pihak sekolah bagi mengatasi keciciran murid SRA dalam matapelajaran jawi iaitu; i) buat ladap kepada guru, ii) fokus kepada murid lemah, iii) letak bahan Jawi, iv) hantar guru kursus jawi, v) buat kelas pemulihan. Kesemua peserta kajian dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap persoalan kajian ini dan mereka memberikan pandangan yang berbeza mengikut kefahaman mereka terhadap langkah-langkah yang digunakan oleh pihak sekolah untuk mengatasi masalah keciciran murid dalam matapelajaran Jawi ini.

Terdapat pelbagai langkah-langkah yang diambil oleh pihak sekolah bagi menangani murid tercacir dalam subjek Jawi ini. Antaranya adalah terdapat dalam tema yang diperolehi hasil dari temubual peserta kajian. Guru-guru yang mengajar Jawi biasanya akan mengikuti program latihan dalam perkhidmatan (LADAP). Di samping itu, terdapat sekolah yang ditemui oleh pengkaji semasa rintis menyatakan mereka menghantar guru-guru ini ke latihan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di sekitar sekolah juga jelas kelihatan papan-papan tanda menggunakan tulisan jawi. Ini menunjukkan cakna barisan guru mengetengahkan tulisan Jawi kepada murid-murid. Terdapat juga pihak sekolah yang mengadakan kelas pemulihan kepada murid-murid yang tercacir ini. Guru-guru subjek Jawi membuat ujian diagnosis bagi memastikan murid-murid yang lemah akan dipulihkan melalui kelas-kelas tambahan yang disediakan oleh pihak sekolah.

KESIMPULAN

Melihat kepada implikasi setelah penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia amnya, ia memberikan sesuatu hikmah di sebaliknya. Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) membawa kepada tranformasi terutama dalam dunia pendidikan di Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran atas talian menjadi pilihan demi memberikan khidmat didik yang terbaik. Melalui proses ini, guru perlu kekal bersemangat dalam usaha mendidik dan menangani masalah atau kekangan yang wujud dalam proses PdP. Secara keseluruhannya, guru pendidikan Islam berperanan sebagai agen membentuk kebolehan terhadap pendekatan intervensi Jawi. Tulisan Jawi merupakan tulisan utama dalam semua mata pelajaran pendidikan Islam di bawah sistem pendidikan JAIS. Kelangsungan tulisan Jawi perlu sentiasa dibugar oleh guru-guru Pendidikan Islam JAIS dengan memartabatkan tulisan Jawi sebagai tulisan utama dalam kalangan murid-murid. Pelbagai kaedah dan cara telah dilaksanakan oleh guru bagi mengenalpasti faktor keciciran, pendekatan intervensi yang dilaksanakan dan langkah-langkah bagi membantu murid-murid keciciran Jawi. Latihan juga bukan sahaja dilaksanakan dalam kalangan murid-murid malah guru-guru juga sentiasa diberi latihan seiring dengan perubahan Jawi terkini. Pendekatan intervensi yang dilaksanakan di sekolah-sekolah JAIS memberi impak yang besar dalam mengatasi faktor-faktor keciciran ketika pandemik yang lalu.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada pihak Universiti Islam Selangor (UIS) di atas sokongan yang diberikan melalui Geran Penyelidikan Siswazah yang bertajuk "Pendekatan Intervensi Murid Bagi Subjek Jawi Di Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor" (2022/P/GPIK/GPZ-03/029). Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyelidik, Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), di atas kerjasama yang telah diberikan.

RUJUKAN

- Ahmad Zaki Amiruddin, Zulazhan Ab. Halim & Nurkhamimi Zainuddin (2020). Kesediaan Pelajar Generasi Z Di Universiti Malaysia Kelantan Dalam Pembelajaran Teradun Bahasa Arab Era IR 4.0. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 22 (1), 86-95.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative Research of Education: An Introduction to Theory and Method*. Edisi ke-3. Allyn & Bacon.
- Dey, I. (1993). *Qualitative Data Analysis: A User-Friendly Guide for Social Scientists*. Routledge.
- Denzin, N. K. (1978). *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociologist Methods*. Aldine.
- Fadzliyah Hashim. (2020). Pengajian dan Pembelajaran dalam Taian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3 (4), 151-162, 2020.
- Habib Mat Som & Syed Kamaruzzaman Syed Ali. (2016). Isu Dan cabaran Kompetensi Guru Pendidikan Islam Dalam Menghadapi Perubahan Kurikulum di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Pemeraksanaan Pendidikan Islam (Madrasah)*.
- Marshall, C. & Rossman, G. B. (1995). *Designing Qualitative*. Edisi ke-2. Thousand Oak: Sage Publications, Inc.
- Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan. (2020). Pemupukan Minat Terhadap Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 103-109.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. (2016). Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2(2),70-85.
- Nor Azrul Mohd Zin & Noordeyana Tambi. (2018). Faktor kemiskinan bandar terhadap pembangunan pendidikan golongan lewat kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (3), pp. 119-130. ISSN 2289-8174.
- Norhafiza Alias, Adi Yasran Abdul Aziz & Wan Muhammad Wan Sulong. (2016). Perkembangan Sistem Ejaan Jawi Tradisi Abad Ke-20 Hingga Kini. *MAHAWANGSA*, 3 (1), 47 – 62.
- Nor Sahara Mesman, Zulkarnain Abd. Majid & Makmur Harun. (2022). Cabaran Dan Peranan Ibu Bapa Dalam Memperkasakan Pembelajaran Jawi Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4 (2), 9.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Edisi ke-2. Sage Publications.
- Rohaniza Idris & Muhammad Yusri. (2020). Penutupan sekolah kerana COVID-19 berdasarkan analisis. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/752421/penutupan-sekolah-kerana-covid-19-berdasarkan-analisis>.
- Sabariah Bahrin, Saiful Akhyar Lubis & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2014). Pelaksanaan Kurikulum j-QAF oleh Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru

- Kampus Kent, Tuaran, Sabah. *Jurnal Usuluddin (Januari – Jun 2014)*, 39, 135-157.
- Saiful Bahari Bin Abdul Rahman & Mazlan Bin Ibrahim. (2019). Tahap Dan Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Jawi di kalangan Murid Tahun Enam Di Sekolah Kebangsaan Seri Duyong. *At-Tahkim*, 9.
- Sharipah Amalhayaty Syed Ahmad. (2015) *Penggunaan kaedah Fonik dalam pengajaran kemahiran bacaan awal kanak-kanak prasekolah*. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. Edisi ke-2. Sage Publications, Inc.